

UM 17 OCT 2004
**'Nama saya
dicadang
ketuai misi'**

KUALA LUMPUR 16 Okt.
— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau hanya dicadangkan untuk mengetuai misi Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dalam menangani masalah keganasan dan bukannya dilantik oleh pertubuhan itu.

Menurut Perdana Menteri, seorang daripada pemimpin negara anggota OIC, iaitu putera raja Arab Saudi, telah mengemukakan nama beliau untuk mengetuai misi itu.

“Saya belum diundang oleh OIC,” katanya menjelaskan kedudukannya mengenai isu tersebut selepas melancarkan Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3) terbitan Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini hari ini.